

16/09/2002

MFI lahir 779 graduan teknologi tinggi

Mohd Feroz Abu Bakar

SELEPAS tujuh tahun beroperasi, Malaysia France Institute (MFI), satu daripada lima institut kemahiran tinggi Mara (IKTM) membuktikan kemampuannya melatih bakal tenaga mahir dalam bidang teknologi tinggi dan setakat ini berjaya mengeluarkan 779 graduan dalam bidang berkenaan.

Pada konvokesyen kelima Sabtu lalu, MFI mengeluarkan graduan dalam jumlah terbesar setakat ini, iaitu seramai 236 graduan.

Tujuh pelajar yang mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) melebihi 3.00 terpilih sebagai pelajar terbaik program masing-masing.

Salah seorang daripada mereka ialah graduan Diploma Teknologi Pemasangan Elektrik dan Peralatan, Mohammad Nafis Ismail yang menerima Anugerah Buku Emas MFI.

Beliau yang mencatat PNGK 3.79 turut menerima wang tunai RM2,000 tajaan CGE Utilities/Vivendi Water dan lawatan seminggu ke Perancis.

Nafis kini mengikuti program ijazah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dalam bidang Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Automasi Industri dan Robotik.

Selain Nafis, enam pelajar terbaik lain ialah Jamal Baharom (Diploma Teknologi Kimpalan), Azhar Salleho (Diploma Teknologi Fabrikasi Logam), Mohamad Juraidi Jamal (Diploma Teknologi Penyelenggaraan dan Sistem Automasi), Mohd Farid Turimin (Diploma Teknologi Penyelenggaraan Automotif), Siti Hartini Hamdan (Diploma Pembinaan Mesin dan Penyelenggaraan) dan Rahadi Sauji (Diploma Teknologi Penyaman Udara dan Penyejukbekuan).

Penyampaian diploma disempurnakan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Zakiah Hashim yang mewakili Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Kaunselor Pertama, Kedutaan Perancis, Emmanuel Bel yang mewakili Dutanya, Xavier Driencourt.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah MFI yang juga Ketua Pengarah Mara, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff dan Pengarah Urusan MFI, Ghazali Abd Manaf dan Timbalannya, Rosly Ahmad.

Ghazali dalam ucapannya berkata, daripada 236 graduan, empat pelajar berjaya menunjukkan pencapaian akademik cemerlang, iaitu PNGK melebihi 3.50.

Beliau berkata, seramai 33 graduan mencatatkan keputusan cemerlang dengan PNGK 3.00 hingga 3.49. Daripada jumlah keseluruhan 236 graduan, 189 pelajar adalah lelaki dan 47 wanita.

"Tahun ini MFI turut mengeluarkan graduan sulung bagi program Diploma Teknologi Penyelenggaraan Automotif yang dimulakan pada Julai 2000.

"Seramai 21 graduan program ini berjaya dikeluarkan, iaitu kumpulan pelajar yang terus mengikuti pengajian tahun kedua," katanya.

MFI baru-baru ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad di Seksyen 14, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Institut itu kini mempunyai 1,002 pelajar dengan 175 tenaga pengajar termasuk 65 bukan akademik.

MFI juga adalah Kolej Bersekutu UniKL yang kini menjalankan program di peringkat ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Penyaman Udara dan Penyejukbekuan dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Automasi dan Robotik.